

# UMS cungkil atlet baru

BH 25.4.2013 v16.

**Kota Kinabalu:** Pasukan ‘Ini Kali Lah’ muncul juara sepak takraw Kejohanan Sukan Prasiswazah 2013 Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengalahkan pasukan ‘Gila-Gila Regu’ dengan kiraan mata 15-12, 16-14.

Sebelum itu, regu terdiri daripada Sharif Idrus Abdul Taib, Syafiq Edul dan Muhammad Fakhrullah Abdul Muda itu mengetepikan pasukan ‘Asal Boleh’ dengan kiraan mata 15-11, 12-15, 16-14.

Kemenangan itu membolehkan mereka membawa pulang trofi, pingat dan hamper. Hadiah disampaikan Penolong Pegawai Belia dan Sukan UMS, Douglas Eric Elisa Tar.

Douglas berkata, pengajuran kejohanan itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar UMS aktif

dalam sukan selain menjadi medan mencungkil bakat baru yang mampu bersaing dalam pertandingan kompetitif di negara ini.

“Program ini diharap dapat mencari bakat dalam sukan sepak takraw dan pada masa sama dapat mempromosikan gaya hidup sihat menerusi sukan dan rekreasi,” katanya.

‘Gila-Gila Regu’ dan ‘Asal Boleh’ masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga dalam acara yang disertai 12 pasukan itu.

## Excelsior juara bola jaring

Selain sepak takraw, beberapa acara lain turut dipertandingkan termasuk futsal, bola jaring dan bola tampar.

Sementara itu, dalam acara bola jaring, pasukan dari Sekolah Sains

Sukan UMS, ‘Excelsior’ menjadi johan selepas mengalahkan pasukan ‘Kampung E’ pada perlawanan akhir.

Pasukan ‘Excelsior’ yang diketuai bekas pemain bola jaring Johor, Nur Masaini Mazlan memperagakan aksi cemerlang bagi membenam ‘Kampung E’ dengan kiraan 10-2.

Sebanyak sembilan pasukan bersaing dalam format liga yang menyaksikan ‘Excelsior’ mendahului Kumpulan A, manakala pasukan ‘1 Shot’ dan ‘Kampung E’ muncul pendahulu pada peringkat kumpulan masing-masing.

Pada pusingan separuh akhir, ‘Excelsior’ mengalahkan ‘Energetic’ dengan kiraan, 8-1 manakala ‘Kampung E’ mengetepikan ‘1 Shot’ dengan agregat 4-1.



Juara bola Jaring, Kejohanan Sukan Prasiswazah 2013 UMS.